

Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Kawasan Perindustrian Taman Tasik Ayer Keroh Beli sisa makanan 10 sen sekilogram

Mohd Faiz Abu Hasan

AYER KEROH - Melaka negeri pertama memperkenalkan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu (DTRC) yang berperanan membeli kutipan sisa makanan yang dikumpul.

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin berkata, pembukaan DTRC yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Taman Tasik Ayer Keroh itu

sekali gus mampu mengurangkan pengumpulan sisa makanan yang dikumpulkan di Tapak Pelupusan Sanitari Sungai Udang.

Menurutnya, DTRC yang dikendalikan di bawah syarikat ArusV Greentech M Sdn Bhd itu mena-

warkan satu pendekatan sistem pandu lalu yang membeli sisa makanan pada harga 10 sen sekilogram.

"DTRC yang diperkenalkan ini adalah yang pertama dibangunkan di Malaysia di mana ia memfokuskan kepada sisa makanan dan ini sekali gus mampu mengurangkan pengumpulan sampah sisa makanan di Melaka di mana sebanyak 230 tan iaitu 30 peratus sisa dikumpul di Sungai Udang adalah daripada sisa makanan.

"Syabas dan tahniah kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan syarikat ini yang bekerjasama untuk mewujudkan DTRC di Ayer Keroh dan saya berharap ia dapat menjadi contoh untuk dikembangkan ke seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan DTRC ArusV di Taman Perindustrian Taman Tasik Ayer Keroh, di sini, 27 Februari lalu.

Hadir sama, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri

merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ayer Keroh, Kerk Chee Yee; Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Low Chee Leong; Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp Malaysia, Datuk Ahmad Husaini Abd Rahman serta tetamu lain.

Mengulas lanjut, Rais berkata, DTRC yang diperkenalkan itu mempraktikkan sistem penguraian menggunakan lalat askar hitam (black soldier fly).

Lalat itu ujarnya, akan menghasilkan larva untuk mengurai sisa makanan yang dihantar.

Menurutnya, selain fungsi larva dijadikan sebagai pengurai makanan ia sekali gus mampu memberi nilai tambah kepada industri penternakan dan pertanian di negeri ini.

"Larva yang dihasilkan ini akan menjadi sumber makanan kepada ternakan dan sisayang terurai ini akan diproses untuk dijadikan baja dalam industri pertanian," katanya.



RAIS meninjau sisa makanan yang dibeli di DTRC ArusV yang akan dikumpulkan sebelum menjalani proses penguraian menggunakan larva lalat askar hitam.